

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPU 305 - Politik Masyarakat Majmuk

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan.

Jawab soalan SATU dari Bahagian A dan DUA soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Donald Horowitz berpendapat bahawa Konsosiasionalisme, sepertimana disarankan oleh A. Lijphart, sukar dicapai di kebanyakan Negara Dunia Ketiga. Kalau ia tercapai, ia tidak akan kekal lama.

Apakah alasan-alasan Horowitz? Apakah saranan-saranan Horowitz untuk mengatasi kekurangan-kekurangan sistem konsosiasionalisme ini?

(40 Markah)

Bahagian B

2. Dengan mencantumkan satu teori yang mengutamakan faktor ekonomi dan satu lagi yang mengutamakan faktor budaya, jelaskan mengapa ketegangan dan konflik perkauman terus berlarutan di Semenanjung Malaysia sejak Kemerdekaan hingga sekarang.

(30 Markah)

...2/-

3. "Perbezaan fenotip maupun petanda-petanda kebudayaan objektif tidak dapat menjelaskan mengapakah konflik perkauman sering berlaku dalam masyarakat majmuk. Pada asasnya pembentukan sesuatu kumpulan etnik dan konfliknya dengan kumpulan etnik lain terdiri daripada satu proses yang subjektif".

Berikan komen anda.

(30 Markah)

4. Jelaskan bagaimana huraian dua penjenisan unggul Anthony Smith tentang "bangsa" menunjukkan bahawa bangsa mengandungi unsur-unsur moden dan "perennial". Mengapa pula ia merupakan satu fenomena tentang keperibadian bangsa itu sendiri.

(30 Markah)

5. M. Hechter menggunakan konsep "pembahagian kerja menurut budaya" untuk mengemukakan "teori keetnikan tindakbalas" dan "teori keetnikan interaksi". Huraikan teori-teori ini. Jelaskan sebarang kelemahan dalam pendekatan Hechter.

(30 Markah)

- oooOooo -